

11 JUN 2003

Melaka-Peruntukan

MELAKA TIADA MASALAH LAKSANAKAN PROJEK BESAR

MELAKA, 11 Jun (Bernama) -- Melaka dijangka tidak menghadapi masalah untuk melaksanakan projek kemudahan infrastruktur kerana kelulusan peruntukan telah diperolehi awal, kata Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata antara projek yang diperolehi peruntukan kerajaan persekutuan ialah projek pengindahan Sungai Melaka, pembesaran lapangan terbang Batu Berendam dan perhentian teksi serta bas di pusat bandar Melaka.

"Untuk satu, dua tahun akan datang, kita tidak menghadapi masalah kerana peruntukan beberapa projek besar di Melaka telah diluluskan oleh kerajaan pusat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Seri Negeri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas ingatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kerajaan negeri supaya tidak meminta peruntukan terlalu besar daripada Bajet 2004 kerana ia mungkin tidak dapat dipenuhi oleh kerajaan pusat.

Mohd Ali berkata Melaka akur dan memahami saranan Dr Mahathir itu dan untuk itu beberapa projek infrastruktur yang dicadangkan akan ditangguhkan.

Katanya projek yang ditangguhkan itu termasuk pembinaan jalan pesisir pantai Tengkeras-Sungai Udang serta jalan dua lorong antara Ayer Keroh dan Batang Melaka, Selandar.

"Kita setuju permohonan untuk projek berkenaan akan hanya dikemukakan setelah kemampuan kewangan kerajaan pusat stabil," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohd Ali berkata satu kawasan hutan simpanan di Bukit Sedanan, Selandar akan dibangunkan untuk dijadikan kawasan safari untuk haiwan.

"Kita sedang mengkaji konsep safari yang dilakukan oleh Zimbabwe sebagai satu lagi tarikan pelancong di negeri ini," katanya yang melakukan lawatan kerja ke negara Afrika itu minggu lepas.

Mohd Ali juga berkata Persidangan dan Pameran InfoSoc Malaysia 2003 akan diadakan di sini selama empat hari mulai 21 Jun ini antara lain untuk memahirkan golongan belia dengan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi.

Katanya Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyampaikan ucapan dan merasmikan persidangan pada 22 Jun dalam satu majlis makan malam.

Beliau berkata persidangan itu dianjurkan oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) dijangka dihadiri lebih 500 peserta, termasuk 100 peserta dari luar negara.

-- BERNAMA

NO ROS